

MODUL PANDUAN PEMBELAJARAN

KENDIRI

untuk menghasilkan kerja kursus bercirikan literasi maklumat

Nama pelajar : _____

Tajuk Kajian : _____

Guru Pembimbing : _____

Pengenalan:

Sejajar dengan kepesatan maklumat kini, setiap individu perlu mahir untuk mencari, mengesan, memperolehi, menyusun, menilai dan menggunakan maklumat dengan berkesan. Sekolah perlu berperanan dalam menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai ke arah melahirkan pelajar yang celik maklumat. Oleh itu, modul ini disediakan sebagai panduan kepada pelajar-pelajar melaksanakan kerja kursus sekolah. Modul ini disusun dan dipersembahkan mengikut tahap-tahap literasi maklumat yang telah dikenalpasti dari daripada piawaian-piawaian literasi maklumat antarabangsa dan modul-modul pembelajaran literasi maklumat yang terkemuka.

Modul ini merupakan modul pembelajaran sendiri yang boleh digunakan sepenuhnya oleh pelajar sebagai bahan bimbingan untuk melaksanakan kerja kursus sekolah. Malah modul ini juga boleh digunakan oleh guru sebagai bahan bantu mengajar (BBM) ketika membuat taklimat pelaksanaan kerja kursus sekolah mengikut matapelajaran masing-masing. Contoh-contoh yang tertera dalam modul adalah berdasarkan matapelajaran Kajian Sejarah Tempatan (KST). Namun ia boleh digunakan dalam semua matapelajaran yang memerlukan pelajar-pelajar melaksanakan kerja kursus sekolah.

Adalah diharap selepas menggunakan modul ini, pelajar-pelajar dapat menghasilkan kerja kursus sekolah yang bercirikan literasi maklumat.

Ikon-ikon yang digunakan.



Baca dan faham



Fikirkan



Buat Kesimpulan

Isi kandungan modul adalah merujuk kepada rajah di bawah:

Unit	Kemahiran Yang Akan Dipelajari
Unit 1 : Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penentuan skop/tajuk kajian 2. Penulisan isi kandungan 3. Penulisan penghargaan 4. Penulisan objektif 5. Penentuan kaedah kajian 6. Penulisan persoalan, kepentingan dan batasan kajian
Unit 2 : Menstrategik pencarian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Strategi pencarian maklumat 2. Sumber-sumber maklumat
Unit 3 : Mengesan, memilih dan menilai maklumat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kaedah penilaian maklumat
Unit 4 : Mengurus maklumat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kaedah menyusun dan mengklaskan maklumat 2. Kaedah merekod dan menyimpan maklumat
Unit 5 : Menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cara membuat petikan dalam teks 2. Pengembangan idea-idea 3. Penggunaan jadual, raja dan peta minda 4. Teknik pengembangan idea-idea
Unit 6 : Mempersembahkan maklumat secara beretika	<ol style="list-style-type: none"> 1. Format pembentangan/ persembahan yang berkesan 2. Cara menyenaraikan rujukan 3. Gaya penulisan sumber rujukan 4. Gaya penulisan kapsyen 5. Penyediaan lampiran
Unit 7 : Membuat penilaian produk dan proses	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cara membuat refleksi terhadap produk kajian 2. Cara membuat refleksi terhadap proses kajian
Unit 8 : Menghasilkan idea-idea baru	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cara membuat rumusan. 2. Cara membuat cadangan-cadangan 3. Format-format penghasilan idea baru

UNIT 1	MENGENALPASTI KEPERLUAN MAKLUMAT, MENDEFINISI TUGASAN DAN MEMFOKUS TAJUK
---------------	---

Isi kandungan:

1. Penentuan skop/tajuk kajian
2. Penulisan isi kandungan
3. Penulisan penghargaan
4. Penulisan objektif
5. Penentuan kaedah kajian
6. Penulisan persoalan, kepentingan dan batasan kajian

Objektif Pembelajaran:

Pelajar akan dapat mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisikan tugas dan memfokus tajuk dengan cara:

- i. menentukan skop kajian dengan jelas;
- ii. menyatakan isi kandungan kajian dengan jelas;
- iii. menyatakan penghargaan yang betul;
- iv. menulis objektif kajian yang tepat; dan
- v. menyatakan dengan jelas dan menggunakan kaedah kajian yang betul menulis persoalan, kepentingan dan batasan kajian.

Tajuk 1: Penentuan skop/tajuk kajian



Beberapa panduan menentukan tajuk dan menulis skop kajian. Pastikan anda:-

1. memilih bidang/isu-isu yang anda minati dan ingin tahu perkembangan selanjutnya.
2. timbulkan soalan-soalan berkaitan isu tersebut.
3. cari jawapan terhadap permasalahan itu, sekiranya jawapan tidak memuaskan hati, menunjukkan isu tersebutlah yang perlu dijadikan tajuk kajian anda.
4. pastikan tajuk kajian itu:-
 - Ringkas, tepat, dan spesifik.

- Menerangkan kandungan kajian dengan tepat.
- Menerangkan bidang kajian setepat yang mungkin.
- Menggunakan perkataan yang mudah difahami.
- Elakkan penggunaan kata kerja
- Mengandungi kata kunci bagi kemudahan sistem perolehan maklumat.



Sekarang cuba anda fikirkan tajuk kajian yang akan anda jalankan:

Bidang kajian yang anda perlu kaji ialah "Sejenis Alat Muzik Tradisional".

- Fokuskan alat muzik mana yang anda ingin kaji.
- Bina soalan-soalan yang anda ingin ketahui berkaitan alat muzik tersebut.
- Gunakan perkataan yang ringkas untuk tajuk kajian anda.

Contoh:

Alat muzik yang ingin saya kaji: Gambus

- Persoalan:
1. Siapakah yang mencipta gambus?
 2. Bagaimanakah proses pembuatan gambus?
 3. Bagaimanakah ia dihasilkan?
 4. Bila ia dimainkan?

Tajuk 2: Penulisan isi kandungan



Senarai kandungan kajian merujuk kepada senarai aspek kajian serta halaman. Senarai kandungan untuk kerja kursus sekolah pada kebiasaannya meliputi:

- a. Penghargaan
- b. Objektif kajian
- c. kaedah kajian
- d. Persoalan, kepentingan dan batasan kajian (tidak termasuk dalam kehendak lembaga peperiksaan)

- e. hasil kajian
 - a. Pendahuluan
 - b. Isi
 - c. Penutup
 - f. Rujukan
 - g. Lampiran
- } isi kandungan telah ditetapkan oleh pihak lembaga peperiksaan



Cuba anda fikirkan senarai kandungan kajian anda.

Contoh Isi kandungan tajuk: Alat Muzik Tradisional Gambus

Bil	Isi kandungan	Halaman
1	Penghargaan	
2	Objektif Kajian	
3	Kaedah Kajian	
4	Hasil kajian: <ul style="list-style-type: none"> a) Pengenalan b) Asal usul gambus c) Proses Pembuatan gambus d) Cara memainkan gambus e) Masa dimainkan f) Kelebihan alat muzik gambus g) Penutup/Rumusan 	
5	Rujukan	
6	Lampiran	

Tajuk 3: Penulisan penghargaan



Penghargaan perlu diberi kepada individu serta institusi yang telah membantu dalam pelaksanaan kerja kursus sekolah anda. Anda perlu menyebut nama penuh dan sebab-sebab penghargaan perlu diberi kepada mereka.



Cuba anda fikirkan, siapakah yang membantu anda melaksanakan kerja kursus sekolah? Apakah bantuan yang mereka berikan?

Contoh penulisan penghargaan:

Terima kasih saya ucapkan kepada kedua ibubapa saya yang telah banyak memberikan sokongan, pendapat, galakkan dan bantuan kewangan kepada saya.

Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada pihak sekolah, dan guru-guru saya terutama guru mata pelajaran sejarah Pn xxxx yang sanggup meluangkan masa untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya.

Tidak lupa untuk kawan-kawan saya, terima kasih atas kerjasama, bantuan, idea dan nota-nota kalian.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menyiapkan kerja kursus ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tajuk 4: Penulisan objektif



Penulisan objektif kajian perlu merujuk kepada tujuan dan hasil kajian ingin ingin diperolehi. Objektif kajian terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus. Perkara berikut perlu diambil perhatian ketika membentuk objektif kajian. Antara lainnya objektif kajian:

1. perlu dinyatakan dengan tepat dan jelas;
2. hendaklah berkaitan dengan masalah yang ingin dikaji;
3. mestilah berkaitan dengan aktiviti / tindakan;
4. mestilah yang boleh diukur contohnya mencatat, menentukan tahap, mengenalpasti masalah;

5. hendaklah diukur /nilai semasa menjalankan tindakan/ aktiviti;
6. perlu dilapor di dalam kajian



Cuba anda fikirkan objektif kajian anda.

Contohnya Objektif kajian tajuk: Alat Muzik Tradisional Gambus:

1. Mengetahui asal-usul alat muzik tradisional gambus
2. Menyenaraikan proses-proses pembuatan gambus
3. Mengenalpasti teknik-teknik untuk memainkan gambus dan waktu gambus dimainkan
4. Mengetahui kelebihan alat muzik gambus

Tajuk 5: Penentuan kaedah kajian



Ada beberapa kaedah kajian yang sesuai untuk anda gunakan. Setiap kaedah yang digunakan perlu dihuraikan proses pelaksanaan dan melaporkan hasil dapatan kajian dalam penulisan teks laporan. Kaedah kajian anda perlulah berpandukan perkara-perkara berikut.

Kaedah kajian	Perincian
Penyelidikan perpustakaan	Megumpulkan maklumat-maklumat berkaitan tajuk kajian yang dijalankan samada berbentuk cetak (buku/artikel/majalah), lawan web (Internet) atau pengkalan data (filem-filem dokumentari) daripada Pusat Sumber Sekolah atau Perpustakaan Awam yang berhampiran.
Temuramah/Temu-bual	Mengumpul maklumat dengan menemubual ahli keluarga, guru-guru, tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kajian. Anda perlu menyediakan

	borang temubual terlebih dahulu (butiran-butiran yang akan anda soal)
Melawat tempat kajian	Melawat tapak/ kawasan/lokasi yang terlibat dengan kajian, mengambil gambar-gambar yang perlu untuk dimasukkan dalam laporan kajian
Pemerhatian	Memerhatikan lokasi/ bahan yang dikaji dan melihat ciri-ciri unik yang boleh dilaporkan dalam penulisan.
Soal selidik	Menggubal set soal selidik dan mengedarkannya kepada responden yang terlibat. Menganalisa secara manual atau menggunakan perisian SPSS.
Analisis dokumen	Menganalisa dokumen-dokumen yang berkaitan seperti laporan statistik kejadian, dairy, notis, peraturan dan sebagainya.



Fikirkan kaedah kajian yang akan anda gunakan.

Contoh kaedah kajian bagi tajuk: "Alat Muzik Tradisional Gambus"

Bagi mendapatkan maklumat dan data kajian ini, saya telah menggunakan beberapa kaedah kajian termasuk kajian perpustakaan, kaedah pemerhatian dan kaedah temubual

Bagi kaedah perpustakaan, saya telah mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan alat muzik tradisional gambus menerusi perkhidmatan OPAC di perpustakaan Negara dan laman-lamandi Internet. Menerusinya, saya juga telah mengumpulkan gambar-gambar yang berkaitan.

Bagi kaedah pemerhatian pula, saya telah pergi ke tempat membuat gambus (nama tempat tersebut). Saya telah melihat cara-cara pembuatan gambus. Saya telah merakamkan proses pembuatan gambus ke dalam kamera video saya juga telah mengambil gambar-gambar bahan-bahan asas untuk membuat gambus.

Bagi kaedah Temubual pula, saya telah menemu bual (sebutkan nama) untuk mengetahui bila dan bagaimana gambus dimainkan. Sebelum membuat temubual itu, saya telah menyediakan teks soalan-soalan yang akan saya ajukan kepada beliau, saya juga menetapkan hari dan masa yang sesuai untuk membuat temubual.

Tajuk 6: Penulisan persoalan kajian



Kajian di tahap PMR, soalan kajian tidak termasuk dalam format penyediaan kerja kursus oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Walau bagaimanapun anda boleh membina soalan-soalan kajian kerana ia dapat membantu anda mendapat idea-idea dalam menjalankan kajian. Soalan kajian perlu merujuk kepada objektif kajian yang telah anda buat.



Fikirkan soalan kajian yang boleh anda bentuk

Contoh soalan kajian yang merujuk kepada objektif kajian:

Objektif kajian	Soalan kajian
Mengetahui asal-usul alat muzik tradisional gambus	Dari manakah alat muzik tradisional ini berasal?
Menyenaraikan proses-proses pembuatan gambus	Bagaimanakah proses pembuatan gambus?
Mengenalpasti teknik-teknik untuk memainkan gambus dan waktu gambus di mainkan	Bagaimanakah teknik-teknik permainan gambus? Bilakah gambus dimainkan?
Mengetahui kelebihan alat muzik gambus	Apakah kelebihan alat muzik gambus?

Tajuk 7: Penulisan kepentingan dan batasan kajian



Begitu juga untuk kepentingan dan batasan kajian, ia tidak termasuk dalam format penyediaan kerja kursus oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Anda boleh menambahnya sekiranya perlu. Untuk penulisan kepentingan, anda perlu mengenalpasti sumbangan kajian anda terhadap bidang yang anda kaji atau sumbangan kajian anda terhadap pihak lain. Contoh penulis kepentingan kajian: "kajian ini dapat memantapkan penjelasan tentang....."; "kajian ini dapat

memperkemaskan kaedah”; “kajian ini dapat memperbetulkan fahaman tentang”; kajian ini dapat memperbanyakkan bahan.....” dan sebagainya.

Untuk penulisan batasan kajian pula, anda hanya perlu menentukan batasa/had kajian yang akan anda lakukan.



Fikirkan kepentingan dan batasan kajian anda

Contoh kepentingan kajian tajuk Alat Muzik Tradisional Gambus:

Contoh kepentingan kajian

Hasil daripada kajian ini, saya berharap dapat memberi manfaat kepada peningkatan ilmu pengetahuan berkaitan alat-alat muzik tradisional terutama gambus. Saya juga berharap agar kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan di Pusat Sumber Sekolah saya dan boleh dirujuk oleh pelajar-pelajar lain dalam menghasilkan kerja kursus sekolah.

Contoh batasan kajian

Saya hanya melakukan penyelidikan ke atas alat muzik tradisional gambus yang digunakan di negeri (sebutkan) Cara pembuatan, teknik permainan, masa dimainkan dan kelebihan alat muzik tradisional ini adalah tertakluk kepada negeri itu sahaja.



Sebagai kesimpulannya, dalam unit 1 ini anda telah mempelajari:

- cara menentukan tajuk dan menulis skop kajian dengan jelas
- cara menyusun isi kandungan kajian dengan tersusun
- cara menyatakan penghargaan dengan betul
- cara menulis objektif kajian dengan tepat
- cara membuat soalan penyelidikan berdasarkan objektif kajian
- cara menggunakan kaedah kajian yang betul
- cara menulis kepentingan dan batasan kajian

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 1 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan.

UNIT 2	MENSTRATEGIK PENCARIAN
---------------	-------------------------------

Isi kandungan

1. Strategi pencarian maklumat
2. Sumber-sumber maklumat

Objektif pembelajaran

"Pelajar akan dapat menstrategik pencarian dengan cara menggunakan strategi pencarian maklumat yang betul dan menggunakan pelbagai sumber maklumat yang sesuai"

Tajuk 1: Strategi pencarian maklumat



Untuk mencari maklumat yang anda kehendaki, anda perlu mengetahui beberapa strategi pencarian maklumat yang betul:-

1. Anda perlu mengenalpasti **maklumat** yang anda perlukan terlebih dahulu dengan cara memahami topik tugas. Contoh: topik tugas anda ialah Alat Muzik Tradisional.

- Pastikan anda faham maksud alat muzik dan maksud tradisional
- Pastikan **jenis-jenis alat muzik** yang boleh dimasukkan dalam kategori tradisional.
- Kaitkan dengan istilah-istilah lain selain tradisional contohnya istilah warisan
- Rujuk kamus, thesaurus, glosari, ensiklopedia, buku panduan untuk mendapatkan maklumat berkaitan definisi dan istilah-istilah yang berkaitan.

2. Anda perlu bijak memilih **sumber maklumat** yang anda akan gunakan. Di bawah adalah panduan ringkas untuk penggunaan sumber-sumber maklumat mengikut kategori:-

Fakta ringkas	- Kamus - Ensiklopedia
Maklumat biografi	- Ensiklopedia

	- Biografi - Autobiografi
Maklumat semasa	- Artikel Jurnal/ majalah - Keratan Akhbar - Akhbar - Internet
Maklumat mendalam berkenaan sesuatu subjek	- Buku dan artikel jurnal - Buku lebih komprehensif tetapi selalunya maklumat di dalamnya agak lama - Artikel jurnal memberikan maklumat yang lebih mendalam dalam subjek yang tertentu - Laman web juga memberikan maklumat yang lebih terperinci tetapi perlu dibuat penilaian laman web tersebut terlebih dahulu.
Maklumat khusus	- Kertas persidangan - Tesis - Standards - Laporan tahunan - Statistik

3. Anda perlu mengenalpasti **cara mendapatkan** sumber maklumat tersebut. Contohnya:-

Buku dan jurnal, artikel jurnal atau majalah	Gunakan katalog Perpustakaan Sekolah, perpustakaan Awam Perpustakaan Negara Malaysia (OPAC)
Keratan akhbar	Indeks Keratan akhbar Berita Harian, Utusan Malaysia, NSTP e-Media
Internet	Menggunakan enjin pencarian seperti Google, Yahoo dan lain-lain

1. Anda perlu juga perlu tahu **cara penggunaan** sistem pencarian maklumat seperti OPAC dan cara untuk melayari internet. Beberapa panduan di bawah boleh anda gunakan:-

- Sekiranya anda telah mengetahui maklumat berkaitan bahan yang ingin anda cari, contohnya; judul buku dan pengarang, anda boleh terus menaip judul buku atau nama pengarang di OPAC .
- Sekiranya anda ingin membuat pencarian umum di OPAC atau di Internet, anda perlu menggunakan istilah yang anda telah kenalpasti

contohnya, alat muzik, tradisional, alat muzik tradisional, warisan, dan alat muzik warisan warisan. Ia akan memberikan anda pelbagai pilihan tajuk dan anda perlu bijak menilai maklumat yang ada perolehi.

- Anda juga boleh menggabungkan jalin istilah-istilah tersebut menggunakan penghubung Boolean AND (menghadkan pencarian), OR (meluaskan pencarian atau NOT(ada aspek yang ingin dikecualikan). Contohnya bangunan AND sejarah (bermaksud bangunan bersejarah sahaja), bangunan OR bersejarah (bermaksud semua jenis bangunan dan semua yang bersejarah) dan bangunan NOT bersejarah (bermaksud bangunan yang bukan bersejarah)

Tajuk 2: Sumber-sumber maklumat



Bagi memudahkan anda mengumpulkan maklumat berkaitan kajian yang anda jalankan, anda terlebih dahulu perlu mengetahui bahawa terdapat pelbagai sumber-sumber maklumat yang ada. Setiap sumber maklumat ini mempunyai cara-cara penggunaannya yang tersendiri.

Untuk pengetahuan anda, sumber rujukan terbahagi dua; iaitu Sumber Rujukan Asas dan Sumber Rujukan Umum


SUMBER RUJUKAN ASAS

Contoh Sumber Rujukan Asas ialah Kamus, Ensiklopedia dan Buku panduan


BAHAN	KEGUNAAN
Kamus	akan memberi maklumat mengenai sesuatu perkataan berkaitan MAKNA, EJAAN, SEBUTAN DAN KEGUNAAN
Ensiklopedia	akan memberikan maklumat mengenai sesuatu topik termasuk definisi, huraian ringkas dan maklumat latar belakang
Buku Panduan	akan memberikan maklumat dan data asas yang telah diringkaskan mengenai sesuatu perkara seperti definisi, jadual dan formula dan teknik

Carta di bawah memudahkan anda untuk mencari maklumat-maklumat berkaitan SIAPA?, APA?, DI MANA? dan BILA?


UNTUK MENJAWAB SOALAN SIAPA (WHO)




UNTUK MENJAWAB SOALAN APA (WHAT)



UNTUK MENJAWAB SOALAN DI MANA (WHERE)



UNTUK MENJAWAB SOALAN BILA (WHEN)



SUMBER RUJUKAN UMUM

Contoh sumber rujukan umum pula ialah:

1. Buku
2. Bab dalam Buku (Merujuk kepada sesuatu bab sahaja di dalam buku)
3. Artikel Jurnal (Merujuk kepada sesuatu artikel dalam Jurnal)
4. Kertaskerja persidangan
Merujuk kepada kertaskerja yang dibentangkan dalam persidangan/ seminar
 - a. Kertaskerja Persidangan yang tidak diterbitkan
 - b. Kertaskerja Persidangan yang telah diterbitkan
5. Tesis/ Latihan Ilmiah
6. Majalah
7. Keratan akhbar



Dapatkan anda memikirkan strategi pencarian maklumat dan sumber-sumber maklumat yang anda boleh gunakan?

Sebagai contoh: Cuba anda taip perkataan "Gambus" dalam petak pencarian google di Internet. Berapakah maklumat yang akan anda perolehi?



Sebagai kesimpulannya, dalam unit 2 ini anda telah mempelajari:

- strategi-strategi pencarian maklumat yang betul dan pelbagai
- sumber-sumber maklumat dan penggunaan dalam kajian

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 2 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan.

UNIT 3	MENGESAN, MEMILIH DAN MENILAI MAKLUMAT
---------------	---

Isi kandungan:

1. Kaedah penilaian maklumat

Objektif pembelajaran

"Pelajar akan dapat mengesan, memilih dan menilai maklumat yang relevan, terkini dan sahih"

Tajuk 1: Kaedah penilaian maklumat



Kini anda perlu mengesan dan memilih maklumat-maklumat berdasarkan **penilaian-penilaian** tertentu. Antaranya anda perlu memastikan bahawa:-

- Maklumat yang anda pilih sesuai dengan topik dan objektif kajian anda.
- Maklumat tersebut dapat menjawab persoalan-persoalan yang anda kemukakan dalam kajian anda.
- Maklumat tersebut ditulis/dihasilkan oleh individu yang mempunyai kepakaran/kewibawaan dalam bidang tersebut.
- Maklumat tersebut dihasilkan dalam jangkamasa yang sesuai (lihat tahun terbitan bagi mendapatkan maklumat yang terkini).
- Liputan/ perbincangan dalam maklumat tersebut menyeluruh, tidak berat sebelah, berdasarkan kajian, mempunyai bukti kukuh dan bukannya pendapat pengarang semata-mata (berdasarkan penggunaan petikan dalam teks).
- Maklumat tersebut mempunyai sumber rujukan yang jelas dan tepat dan boleh dirujuk kembali



Cuba anda fikirkan adakah kaedah di atas membantu anda untuk menilai maklumat-maklumat yang anda perolehi.



Sebagai kesimpulannya, dalam unit 3 ini anda telah mempelajari:

- cara untuk memastikan maklumat yang anda guna adalah terkini, sahih dan relevan

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 3 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan.

UNIT 4	MENGURUS MAKLUMAT
---------------	--------------------------

Isi kandungan:

1. Kaedah menyusun dan mengklaskan maklumat
2. Kaedah merekod dan menyimpan maklumat

Objektif pembelajaran

“Pelajar akan dapat mengurus maklumat dengan cara menyusun dan mengklaskan maklumat mengikut kategori tertentu serta merekod dan menyimpan maklumat dalam bentuk elektronik dan cetak berserta sumber rujukannya”.

Tajuk 1: Kaedah menyusun dan mengklaskan maklumat



Anda perlu mengetahui bahawa setelah anda menemui maklumat yang anda kehendaki, anda perlu membuat penilaian ke atas maklumat tersebut. Anda hanya boleh menggunakan maklumat yang terkini, sahih dan relevan sahaja. Selepas itu anda perlu menyusun maklumat tersebut mengikut kategori (pendahuluan, isi dan penutup).

Contoh tajuk: Alat Muzik Tradisional Gambus

Kategori	Senaraikan bahan-bahan rujukan disini
Pendahuluan - Fokus alat muzik tradisional - Fokus kepada alat muzik gambus - Cari maklumat berkaitan definisi, skop, sejarah perkembangan, contoh-contoh.	
Isi - Fokus kepada alat muzik gambus sahaja - Isi haruslah berfokus kepada objektif kajian yang telah ditentukan - Cari maklumat-maklumat yang berkaitan	
Penutup -Tumpukan kepada kesan, faedah, impak pada masa akan datang -Cari maklumat-maklumat yang berkaitan	



Bagaimana? Dapatkah anda bayangkan cara penyusunan bahan-bahan anda kelak?

Tajuk 2: Kaedah merekod dan menyimpan maklumat



Anda juga perlu mengetahui kaedah untuk merekod dan menyimpan maklumat-maklumat yang telah anda gunakan. Penyimpanan boleh dibuat dalam bentuk elektronik (folder) atau manual.

Sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak kementerian, anda perlu membuat salinan semua bahan yang anda gunakan termasuk muka surat buku yang anda

gunakan, keratan akhbar, halaman internet, rencana majalah, transkrip wawancara, kad pengenalan tokoh, dan sebagainya.

Cara menyimpan maklumat secara manual:

- Menyediakan fail dan dinamakan
- Masukkan maklumat-maklumat asal dalam fail dan indekkan agar ia mudah dicari apabila diperlukan

Cara menyimpan maklumat dalam bentuk elektronik/komputer:-

- Buka folder untuk setiap kategori maklumat
- Namakan folder agar tidak keliru
- Masukkan maklumat-maklumat asal dalam folder tersebut

Anda juga perlu menyenaraikan maklumat-maklumat yang anda telah gunakan dalam format bibliografi. Ingat, senarai ini akan digunakan sebagai sumber rujukan kajian anda nanti.



Ingat tak apa yang anda perlu lakukan ke atas bahan-bahan maklumat yang anda telah gunakan?



Sebagai kesimpulannya, dalam unit 4 ini anda telah mempelajari:

- cara untuk menyusun dan mengklaskan maklumat yang anda perolehi
- cara merekod dan meyimpan maklumat yang anda gunakan

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 4 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan.

UNIT 5	MENGANALISA, MENGOLAH DAN MENGULAS MAKLUMAT SECARA BERETIKA
---------------	--

Isi Kandungan:

1. Cara membuat petikan dalam teks
2. Teknik Pengembangan idea-idea
3. Penggunaan jadual, raja dan peta minda

Objektif pembelajaran

"Pelajar akan dapat menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika dengan cara menggunakan petikan dalam teks dan pengembangan idea menggunakan jadual, rajah, peta minda dan ayat sendiri.

Tajuk 1: Cara membuat petikan dalam teks



Anda perlu menulis isi-isi/fakta-fakta yang telah anda perolehi daripada bahan-bahan yang anda kumpul dengan menggunakan perkataan dan ayat anda sendiri. Bagi tujuan mengukuhkan fakta yang anda tulis, anda perlu menyatakan rujukan bahan yang anda gunakan di hujung setiap fakta yang anda nyatakan.

Contoh: sekiranya anda menggunakan Buku bertajuk Kota A Famosa karya Tee Ping, terbitan Kompas Publishing tahun 1986, anda perlu tuliskan (Tee, 1986) di hujung fakta yang anda kemukakan dan pastikan rujukan ini dimasukkan dalam senarai rujukan kajian anda.

Anda tidak boleh menyalin patah-demi patah perkataan, ayat atau perenggan daripada rujukan asal. Anda akan didakwa melakukan kesalahan plagiat sekiranya anda berbuat demikian. Walau bagaimanapun, anda tidak bersalah sekiranya anda menyebut nama penulis asal di hujung penulisan anda (membuat petikan dalam teks).

Plagiat berlaku apabila idea-idea atau perkataan-perkataan dari karya orang lain yang telah diterbitkan digunakan TANPA mencatatkan penghargaan kepada penulis asal.

Ada beberapa peraturan berkaitan tatacara membuat petikan seperti di bawah:-

Peraturan Penulisan Petikan	Contoh Penulisan
Petikan lima barisan atau lebih apabila ditaip harus dimulakan lebih jauh dari garis tepi dan tanda petik tidak perlu digunakan.	The general theory of relativity, on its own, cannot explain these features or answer these questions because of its prediction that the universe started off with infinite density at the big bang singularity. At the singularity, general relativity and all other physical laws break down: one couldn't predict what will come out of the singularity.(Hawking,1988,p.122).
Sekiranya hanya sebahagian satu karangan dari sebuah buku digunakan, maka ia harus dinyatakan dengan menggantikan perkataan yang tidak digunakan dengan tiga titik.	'There must be give-and-take, with the teacher being a participant as well as leader and...a source of answers'. (Sizer, 1984, p. 118).
Sebarang perkataan sendiri yang ditambah untuk melengkapkan sesuatu petikan perlu dimasukkan dalam tanda kurungan empat segi.	'This principle [sanctity of contracts] is closely associated with that of freedom of contract...' (Peden, 1982, p.9).
Sekiranya anda tidak memperoleh sumber asal bagi sesuatu petikan tetapi mendapati ia dirujuk di dalam karya orang lain, anda harus menyatakan sumber asal dan penulis yang membuat petikan itu.	Skinner (1968, p. 21), quoted by Conant (1972, p.8), was...

Tajuk 2: Teknik pengembangan idea-idea



- Apabila anda bertemu dengan maklumat yang bersesuaian anda perlu membaca maklumat tersebut secara keseluruhan/sepintas lalu bagi mendapatkan isi-isi penting. Anda perlu mencatat maklumat-maklumat yang bersesuaian dengan isi kandungan yang telah anda tetapkan berserta

rujukannya. Jangan lupa anda harus membuat petikan sekiranya anda menyalin bulat-bulat daripada teks asal.

- Namun dalam melaksanakan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST), isi kandungan telah ditentukan. Anda hanya perlu mengembangkan idea tersebut berdasarkan fakta-fakta yang telah anda perolehi.
- Setelah anda mencatat maklumat yang berkaitan, anda boleh mula menulis. Tulislah apa sahaja yang terlintas di fikiran anda berdasarkan maklumat tadi tanpa memikirkan aspek ejaan, tatabahasa, perenggan dan sebagainya. Ini kerana anda masih berada di peringkat penulisan draf. Gunalah ayat dan bahasa anda sendiri. Masukkan graf, jadual, carta, peta minda dan sebagainya untuk tujuan audian mudah memahami idea anda.
- Setelah draf penulisan anda siap, anda mula pula dengan proses menyemak ejaan perkataan, struktur ayat (tatabahasa), kata-kata utama (keyword). Peringkat ini dinamakan semakan tulisan (proof reading). Setelah selesai semakan tulisan anda digalakkan untuk menyemak untuk kali terakhir. Elakkan penulisan menggunakan emosi seperti marah, memaki, menyakitkan hati orang lain. Elakkan juga menulis berdasarkan tafsiran sendiri. Setiap kenyataan yang ditulis mesti berdasarkan fakta sebenar.



Bagaimana? Anda sudah bersedia untuk menulis?

Contoh Pengembangan idea ; Alat Muzik Tradisional Gambus

Kategori	Isi-isi penting	
Pendahuluan	<ul style="list-style-type: none"> - Fokus kepada alat muzik tradisional secara keseluruhan. - Cari definisi, skop, sejarah perkembangan, contoh-contoh. 	Lakarkan idea-idea anda menggunakan 5W (What, Why, Where, When, dan Who) 1H (How)
Isi	<ul style="list-style-type: none"> - Fokus kepada alat muzik gambus - Perlu fokus kepada objektif kajian: <ul style="list-style-type: none"> h) Asal usul gambus i) Proses Pembuatan gambus j) Cara memainkan gambus k) Masa dimainkan l) Kelebihan alat 	
Penutup	<ul style="list-style-type: none"> - Simpulkan hasil kajian secara terperinci. - Berikan cadangan-cadangan untuk memperbaiki hasil kajian - Berikan cadangan-cadangan kajian akan datang. 	

Tajuk 3: Penggunaan grafik (jadual, rajah dan peta minda)




Persembahan maklumat menggunakan grafik amat mudah difahami oleh audien. Anda boleh menggunakan Jadual untuk menunjukkan perbandingan fakta. Rajah dan carta alir untuk menunjukkan proses dan peta minda untuk menggambarkan keseluruhan idea. Mudah bukan.



Ingat! Gunakan grafik dalam penulisan anda agar ia mudah difahami dan menarik minat pembaca.

Contoh penggunaan Jadual: Jadual xxx: Langkah-langkah membuat gambus

Langkah	Butiran	Gambar
1: Pemilihan kayu	Pembuatan gambus, bermula dari pemilihan kayu. Kayu diambil dari batang pokok yang ditebuk di bahagian tengah. Kayu yang dipilih hendaklah berkualiti.	
2: xxx	xxx	xxx
3: xxx	xxx	xxx



Sebagai kesimpulannya, dalam unit 5 ini anda telah mempelajari:

- Cara untuk membuat petikan dalam teks
- Cara untuk mengembangkan idea
- Cara penggunaan jadual, rajah dan peta minda

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 5 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan.

Isi kandungan:

1. Format pembentangan/ persembahan yang berkesan
2. Cara menyenaraikan rujukan
3. Gaya penulisan sumber rujukan
4. Gaya penulisan kapsyen dan penyediaan lampiran

Objektif pembelajaran

"Pelajar akan dapat mempersembahkan maklumat secara beretika menerusi format pembentangan yang sesuai, cara penyenaian dan gaya penulisan sumber rujukan yang betul dan penyediaan lampiran berdasarkan jadual isi kandungan kandungan"

Tajuk 1: Format pembentangan/ persembahan yang berkesan

Dalam mempersembahkan hasil kajian, anda boleh membuat pelaporan menggunakan perbagai format termasuklah graf, carta, jadual, peta minda, rajah dll. Berikut adalah panduan mudah untuk anda

1. Cara menulis tajuk :semua sekali huruf besar
2. Fon huruf: Arial / Times New Roman, saiz 12
3. Langkau baris berganda (*double spacing*)
4. Bingkai muka surat: sejajar (*justify*)
5. Penulisan ayat yang lengkap
6. Pemerenggan yang sesuai
7. Mengulas guna ayat sendiri
8. Penggunaan petikan (sekiranya mencedok ayat, perenggan daripada bahan asal)
9. Tanda baca (koma, noktah, dll) yang tepat
10. Pelbagaikan bentuk laporan anda menerusi carta, jadual, rajah, gambar dan sebagainya

11. Panjang laporan: 5 – 15 muka surat
12. Saiz kertas: A4 (70 @ 80 gram)
13. Jilid biasa (dikokot; tidak perlu *binding*)
14. Salinan komputer (*soft copy*) diserahkan
15. Butiran penyelidik
 - a. Nama
 - b. Tingkatan
 - c. Alamat e-mel
16. Perakuan keaslian penyelidikan:
"Saya dengan ini mengakui bahawa keseluruhan laporan ini disediakan oleh saya." (ditandatangani / disahkan oleh guru)



Ingat anda juga perlu mengikut format persembahan yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan.

Tajuk 2: Cara menyenaraikan rujukan



Di akhir penulisan, anda jangan lupa untuk menyenaraikan setiap rujukan terhadap maklumat yang telah anda gunakan. Tujuannya adalah untuk:

- membuktikan fakta yang anda nyatakan adalah benar,
- memberi pengiktirafan kepada penulis yang anda rujuk,
- mengelakkan tuduhan plagiat dan
- sebagai panduan kepada pembaca untuk mendapatkan sumber rujukan asal.



Ingat, anda hanya perlu menyenaraikan rujukan yang anda guna sahaja. Setiap maklumat yang anda ambil daripada sumber maklumat asal, anda perlu nyatakan rujukan dalam teks atau membuat petikan. Sumber rujukan yang anda sebut dalam teks sahaja yang anda perlu tulis sebagai rujukan anda.

Contohnya:

Gambus merupakan salah satu alat muzik yang dimainkan dengan cara memetik. Ia berfungsi sebagai pengiring tarian zapin dan nyayian pada waktu diselenggarakan pesta pernikahan atau acara kesyukuran (Aminah, 2006). Aminah adalah penulis yang anda rujuk. Oleh itu bibliografi Aminah perlu dimasukkan dalam senarai rujukan anda.

Tajuk 3: Gaya penulisan sumber rujukan



Terdapat pelbagai gaya untuk menulis senarai rujukan. Anda boleh menggunakan mana-mana gaya yang diiktiraf, tetapi hanya satu gaya sahaja yang boleh digunakan dan gunakannya secara konsisten.

Dalam modul ini hanya ditekankan Gaya Rujukan APA (American Psychological Association Citation Style)

Kaedah Penulisan Gaya Rujukan APA.

Nama pengarang yang mempunyai nama keluarga

- Mulakan dengan nama keluarga, diikuti dengan koma dan huruf awal (initials) bagi bagi butir-butir lain dalam nama
 - i. Nama BARAT – Nama Barat mempunyai nama keluarga yang terletak di hujung
Contoh : Gordon Paul Means tuliskan Means, G.P.
 - ii. Nama CINA – Nama Cina mempunyai nama keluarga yang terletak di pangkal nama
Contohnya: Tan Bee Teck tuliskan Tan, B.T.
 - iii. Nama CINA (dengan nama Inggeris)- Nama keluarga terletak selepas nama Inggeris.

Contoh: Vicent Foo H.K. tuliskan Foo, V.H.K.

iv. Nama INDIA & SIKH – Nama India & Sikh kadangkala mempunyai nama keluarga yang terletak di hujung.

Contoh: John Kuna Raj tuliskan Raj, J.K.

Dharam Singh Dhillon tuliskan Dhillon, D.S.

Nama pengarang yang tidak mempunyai nama keluarga

- I. Nama MELAYU – Catatkan sebagaimana adanya
Contoh : Osman Bakar tuliskan Osman Bakar
- II. Nama MELAYU (yang mempunyai gelaran) – gelaran yang diwarisi seperti Raja, Tengku, Syed, Sharifah, Wan, Megat, Nik dan sebagainya- catatkan namanya bersama gelaran tersebut
Contoh: Nik Aziz Nik Pa tuliskan Nik Aziz Nik Pa
- III. Nama INDIA & SIKH (yang tidak mempunyai nama keluarga) – catatkan sebagaimana adanya.

Nama Pengarang Yang Mempunyai Gelaran Yang Dianugerahkan

- Gelaran yang dianugerahkan seperti Dr., Profesor, Dato', Tan Sri, Tun, Sir dan sebagainya- catatkan namanya mengikut jenis nama pengarang yang diterangkan sebelum ini.

Contoh: Dato' Seri Rafidah Aziz	- Rafidah Aziz
Datuk Dr. Fong Chan Onn	- Fong, C.O.
Profesor Raja Ahmad Niza	- Raja Ahmad Niza
Sir Arthur Clark	- Clark, A

Dua atau lebih nama pengarang

- Jika bahan ditulis oleh dua atau lebih pengarang- letakkan tanda koma di setiap nama pengarang dan gunakan ampersan (&) sebelum nama pengarang terakhir

Cara mencatat judul bahan

- Judul sesuatu bahan kadang kala mempunyai satu atau lebih judul. Judul pertama dipanggil Judul Utama dan judul kedua dipanggil Judul Kecil. Huruf pertama judul utama dan judul kecil, MESTI ditulis dengan huruf besar

Contoh:

Environmental protection in Malaysia: Policy consideration and practice.

Huruf pertama judul utama dan judul kecil, ditulis dengan huruf besar

- Mulakan semua perkataan dalam judul Jurnal dengan huruf besar, kecuali preposisi pendek

Preposisi tidak ditulis dengan huruf besar

Contoh:

Trend in Biotechnology

Huruf pertama dalam setiap perkataan ditulis dengan huruf besar

- Gariskan atau *italic* judul utama dan judul kecil bagi judul buku, judul jurnal, judul kertaskerja (jika tidak diterbitkan) dan judul prosiding
- Jangan gariskan judul bab buku, judul artikel jurnal atau judul kertaskerja (jika diterbitkan)

Peraturan am bagi menyenarai rujukan

- "Indent" atau kosongkan ruangan lebih kurang 0.5 inci pada permulaan barisan kedua dan seterusnya
- Susun semua rujukan mengikut susunan abjad pertama setiap rujukan
- Selitkan tempat kosong (spacing) selepas setiap tanda bacaan (contoh: noktah, koma, noktah bertindih dan sebagainya)



Cuba anda lihat contoh penulisan rujukan (Gaya APA) di bawah.

Contoh gaya rujukan APA:

1. Anuar Ab Razak, & Abu Bakar Abdul Majeed. (Ed.). (1997). *Islam, science, and technology*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
2. Diljit Singh. (2006). Literasi Maklumat: Keperluan Kritikal dalam Pendidikan Hari ini bagi keperluan Hari Esok. Dlm *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan 2006*. Institut Perguruan Darul Iman 27-28 Jun 2006, Kedah.
3. Malaysia. (2006). *Buku panduan melaksana dan menilai kerja kursus Sejarah PMR*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tajuk 4: Gaya penulisan kapsyen dan penyediaan lampiran



Anda boleh memasukkan gambar-gambar yang berkaitan dan peta dalam teks penulisan anda. Ingat! setiap gambar dan peta yang anda masukkan dalam teks, perlu ditulis kapsyen di bawahnya. Anda juga perlu mengepulkan lampiran-lampiran yang berkaitan sebagai rujukan tambahan. Lampiran yang anda perlu kepulkan seperti set soal selidik, soalan panduan temubual, dan dokumen-dokumen yang berkaitan.



Cuba anda lihat contoh penulisan kapsyen di bawah:





Sebagai kesimpulannya, dalam unit 6 ini anda telah mempelajari:

- Format pembentangan/ persembahan yang berkesan
- Cara untuk menyenaraikan rujukan
- Gaya penulisan sumber rujukan
- Gaya penulisan kapsyen dan penyediaan lampiran

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 6 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan.

UNIT 7	MEMBUAT PENILAIAN PRODUK DAN PROSES
---------------	--

Isi Kandungan:

1. Cara membuat refleksi terhadap produk kajian
2. Cara membuat refleksi terhadap proses kajian

Objektif pembelajaran

“Pelajar akan dapat membuat penilaian produk dan proses dengan cara membuat refleksi terhadap produk dan proses yang dilalui dan memikirkan kaedah penghasilan produk dan proses yang lebih baik pada masa hadapan”

Tajuk 1: Cara membuat refleksi terhadap produk kajian



Setelah anda selesai mempelajari unit 1 hingga unit 6, kini anda perlu membuat refleksi terhadap hasil persembahan anda. Anda perlu menyemak sekali lagi berkaitan ejaan, struktur ayat, perenggan, kesinambungan idea, gaya penulisan petikan dan rujukan.



Anda boleh menggunakan Jadual di bawah untuk menilai kembali produk kajian anda

Perkara	Kelemahan berdasarkan komen guru pembimbing	Cadangan pembaikan
Kandungan teks a. Topik kajian b. Isi kandungan c. Penghargaan d. Objektif kajian e. Soalan kajian f. Kaedah kajian g. Kepentingan kajian h. Batasan kajian i. Hasil kajian a. Pendahuluan b. Isi c. Penutup/Rumusan		
Sumber-sumber maklumat a. Terkini b. Relevan c. Sah d. Pelbagai e. Gaya penulisan rujukan f. Penyenaraian rujukan g. Penulisan petikan		
Teknikal		

<p>a. Cara menulis tajuk</p> <p>b. Fon huruf: Arial / Times New Roman, saiz 12</p> <p>c. Langkau baris berganda (<i>double spacing</i>)</p> <p>d. Bingkai muka surat: sejajar (<i>justify</i>)</p> <p>e. Penulisan ayat yang lengkap</p> <p>f. Pemerenggan yang sesuai</p> <p>g. Mengulas guna ayat sendiri</p> <p>h. Penggunaan petikan (sekiranya mencedok ayat, perenggan daripada bahan asal)</p> <p>i. Tanda baca (koma, noktah, dll) yang tepat</p> <p>j. Pelbagaikan bentuk laporan anda menerusi carta, jadual, rajah, gambar dan sebagainya</p> <p>k. Panjang laporan: 5 – 15 muka surat</p> <p>l. Saiz kertas: A4 (70 @ 80 gram)</p> <p>m. Jilid biasa (dikokot; tidak perlu <i>binding</i>)</p> <p>n. Salinan komputer (<i>soft copy</i>) diserahkan</p> <p>o. Butiran penyelidikan</p> <p>p. Perakuan keaslian penyelidikan:</p>		
--	--	--

Tajuk 2: Cara membuat refleksi terhadap proses kajian



Anda juga perlu menilai kembali proses-proses kajian yang anda lalui mengikut langkah demi langkah. Rujuk guru anda dari masa ke semasa, perbaiki semula hasil kajian anda berdasarkan komen-komen yang diberikan oleh guru atau rakan-rakan.



Anda boleh menggunakan Jadual di bawah untuk menilai kembali proses kajian anda

Peringkat	Kelemahan berdasarkan komen guru pembimbing	Cadangan pembaikan
Penentuan tajuk, objektif, kaedah, persoalan, kepentingan dan batasan kajian Penentuan tajuk-tajuk kecil dan kesimpulan		
Pencarian dan pengumpulan maklumat		
Persembahan Format penjilidan		



Sebagai kesimpulannya, dalam unit 7 ini anda telah mempelajari:

- cara untuk membuat refleksi terhadap produk yang terhasil
- Cara membuat refleksi terhadap proses kajian yang dilalui

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 7 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan.

UNIT 8	MENGHASILKAN IDEA-IDEA BARU (Rujuk juga unit 5 bahagian penutup/rumusan kajian)
---------------	--

Isi Kandungan:

1. Cara membuat rumusan.
2. Cara membuat cadangan-cadangan
3. Format-format penghasilan idea baru

Objektif pembelajaran

“Pelajar akan dapat menghasilkan idea-idea baru menerusi cara merumuskan hasil kajian, cara mengemukakan cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan dan persembahan idea baru dalam pelbagai format”

Tajuk 1: Cara membuat rumusan.



Unit 8 merupakan fasa terakhir dan terpenting dalam penghasilan kerja kursus anda. Unit ini akan mempamerkan kemampuan anda mengeluarkan idea-idea baru hasil daripada kajian yang telah anda jalankan. Anda perlu membuat rumusan terhadap fakta-fakta yang telah anda tulis. Nyatakan tujuan dan objektif kajian secara ringkas, jangan menyimpang daripada skop kajian dan gunakan penanda wacana yang sesuai

Dalam pelaksanaan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST), pihak Lembaga Peperiksaan telah menetapkan keperluan penulisan esei di elemen 2. Oleh itu anda boleh menggunakan idea-idea baru anda untuk menulis esei ini.



Cuba perhatikan contoh rumusan kajian di bawah

Contoh Rumusan kajian

Kajian yang saya lakukan ini adalah berkaitan sejenis alat muzik tradisional gambus. Daripada kajian ini saya telah mengetahui asal usul alat muzik ini. Saya juga dapat mempelajari cara-cara pembuatan alat muzik ini dan bagaimana ia dimainkan. Di samping itu, saya juga mengetahui tentang kelebihan alat muzik ini yang antara lainnya alat muzik ini boleh dijadikan sebagai salah satu alat tarikan pelancong datang ke Malaysia. Keunikan alunan alat muzik ini dapat memukau pelancong-pelancong asing yang datang ke negara kita seterusnya dapat mempromosikan Malaysia ke mata dunia.

Menerusi kajian ini, saya berasa amat bersyukur dan bertuah menjadi warganegara Malaysia kerana Malaysia mempunyai keunikan tersendiri terutama dari aspek kebudayaan, kesenian dan adat resam yang pelbagai. Pengetahuan terhadap kebudayaan, kesenian dan adat resam yang pelbagai perlu dipupuk di kalangan rakyat Malaysia agar ia dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa.

Tajuk 2: Cara membuat cadangan-cadangan



Anda juga perlu memasukkan cadangan-cadangan anda dan cadangan-cadangan terhadap kajian akan datang.



Cuba anda lihat contoh cadangan-cadangan di bawah.

Contoh Cadangan Kajian

Menerusi kajian ini, saya mencadangkan agar pihak sekolah menganjurkan pameran alat-alat muzik tradisional bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang seni budaya Malaysia. Saya juga mencadangkan agar pihak sekolah menubuhkan Kelab Seni Tradisional di sekolah agar pelajar-pelajar yang berminat dapat mengasah bakat dan menonjolkan diri dalam bidang ini.

Untuk kajian pada masa akan datang pula, saya mencadangkan agar kajian tentang alat-alat muzik moden perlu dilakukan. Ia akan memberi kesinambungan dengan kajian yang telah saya lakukan ini dan seterusnya akan memperbanyakkan lagi khazanah ilmu berkaitan alat-alat muzik.

Tajuk 3: Format-format penghasilan idea baru



Anda juga boleh menjelmakan idea-idea hasil daripada kajian anda ke dalam format lain seperti penulisan artikel, rencana, liputan, sajak, cerpen dan sebagainya. Seterusnya tulisan anda boleh dihantar ke majalah sekolah atau majalah tempatan untuk dikongsi bersama. Dengan usaha ini, ilmu-ilmu baru pasti akan dapat berkembang seterusnya menjamin kesinambungan ilmu pengetahuan pada masa akan datang.



Sudahkan anda bersedia untuk menulis artikel, sajak, puisi, cerpen untuk majalah sekolah anda?



Sebagai kesimpulannya, dalam unit 8 ini anda telah mempelajari:

1. Cara membuat rumusan.
2. Cara membuat cadangan-cadangan
3. Format-format penghasilan idea baru

Sila rujuk borang refleksi sendiri di unit 8 untuk melaksanakan aktiviti pengukuhan